

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12 / 09 / 2007

Kakitangan awam patut profesional

KAKITANGAN kerajaan seramai satu juta orang atau lebih kurang empat peratus penduduk negara ini merupakan mereka yang paling bertuah selepas kerajaan mengumumkan kenaikan gaji pada bulan Julai lalu diikuti dengan Bajet 2008 minggu lalu.

Kedua-dua pengumuman ini adalah pengiktirafan ke atas jasa dan bakti kakitangan kerajaan menjayakan usaha pembangunan negara selama 50 tahun mengecapi kemerdekaan.

Impak ke atas perbelanjaan emolument tahunan kerajaan oleh keputusan ini diberitakan sebanyak RM8 bilion, satu jumlah besar yang boleh membiayai pembangunan landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar dan juga pembelian tren elektrik enam gerabak berkapasiti 500-600 penumpang bagi perjalanan KL Sentral ke Ipoh menggunakan landasan berkembar yang siap dibina tanpa kerajaan perlu membuat pinjaman kewangan.

Mulai 1 September 2007, negara kita menghadapi era baru kemerdekaan 50

tahun seterusnya. Kerajaan Malaysia sudah menggaris corak sosioekonomi negara melalui pelancaran wilayah pembangunan di selatan, utara dan tidak lama lagi di Pantai Timur Semenanjung. Kita juga percaya kerajaan sudah mempunyai draf wilayah pembangunan bagi Sabah dan Sarawak.

Kejayaan rancangan pembangunan wilayah ini sudah pasti akan melonjak status negara ke tahap yang lebih maju dan ia tidak akan dapat dikecapi tanpa penglibatan kakitangan kerajaan dengan lebih proaktif, kreatif, inovatif, dedikasi, berpasukan dan lain-lain sifat mulia.

Proses pembentukan masyarakat negara maju berpelajaran tinggi, bermoral, tidak melanggar undang-undang, banyak bergantung kepada tugas penguatkuasaan kakitangan kerajaan dalam pasukan polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pelajaran dan lain-lain.

Kami rakyat Malaysia bukan daripada kakitangan kerajaan amat berterima kasih kepada para sahabat dalam perkhidmatan kerajaan yang gigih dan tekun

UM- 12/9/2007
dalam melaksanakan tugas selama ini.

Namun untuk maju terus ke hadapan, kita juga tidak lagi ingin melihat insiden jabatan kerajaan menuding jari menyanyikan lagu *Bangau oh bangau* apabila menyelesaikan sesuatu isu umpamanya ketika negara dibelenggu dengan kejadian kemalangan bas ekspres yang meragut 22 nyawa di Bukit Gantang baru-baru ini.

Segala-galanya sudah disediakan oleh kerajaan seperti sistem komputer, pegawai berpendidikan universiti, persekitaran pejabat yang baik, perumahan yang selesa diikuti dengan kenaikan gaji serta imbuhan lain seperti diumumkan Bajet 2008. Oleh itu, kakitangan kerajaan tidak lagi mempunyai alasan untuk tidak berinovatif, kreatif, dedikasi dan cekap apabila menjalankan tugas harian.

Kita percaya pelaburan besar kerajaan itu dapat mengatasi masalah-masalah yang mencabar kedaulatan undang-undang serta menggugat keamanan negara seperti kejadian mat rempit, kecurian balak di tanah rizab kerajaan, sampah sarap di KLCC dan Dataran Merdeka

selepas sesuatu sambutan perayaan, kebanjiran pendatang haram. Ini dapat ditangani dengan penguatkuasaan undang-undang yang berterusan dilakukan oleh kakitangan awam sebagai pulangan kepada pelaburan besar kerajaan itu.

Bagi pegawai kerajaan bidang profesional, saya percaya mereka boleh melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang umpamanya dalam meluluskan sesuatu pelan pembangunan tanpa mencacatkan persekitaran semula jadi, menyebabkan kesesakan lalu lintas, sampah sarap dan lain-lain keadaan yang tidak selesa. Para jururawat dan doktor tidak lagi disaman oleh pesakit kerana menyebabkan kecacatan ke atas anak baru lahir.

Ringkasnya, kakitangan kerajaan tidak lagi mempunyai sebab untuk tidak profesional dan tidak mesra pelanggan apabila menjalankan tugas. Rakyat Malaysia yang membayar cukai percaya pelaburan yang tinggi itu akan mendapat pulangan setimpal.

- ABD. RANI AHMAD
Kamunting, Perak.